

552:

DR. MAHATHIR

1975

PULAU PINANG, 26 JULAI (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI ANAK-ANAK HENDAKLAH JUGA DIBERI PELUANG MEMPELAJARI MATA PELAJARAN LAIN SEPERTI MUZIK DAN SUKAN DISAMPING PERKARA AKADEMIK.

KATANYA, DENGAN ADA ASAS-ASAS MUZIK DI DADA, MEREKA AKAN DAPAT MENIKMATI SERTA MENILAI SEGALA JENIS MUZIK, TERUTAMANYA SENI MUZIK KEBANGSAAN KITA.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN INI DALAM SATU PERUTUSAN DALAM BUKU CENDERAMATA BERSEMPENA PESTA MUZIK SEKOLAH-SEKOLAH SEMALAYSIA 1975, DI DEWAN SRI PINANG, DI SINI MULAI HARI INI DAN ESOK.

MENURUTNYA LAGI, KEMENTERIAN PELAJARAN MENGADAKAN PESTA MUZIK DI ANTARA MURID-MURID ADALAH BERTUJUAN MENGGALAKKAN MEREKA MEMPELAJARI PELAJARAN MUZIK SERTA MEMUPUK KECENDERONGAN MEREKA DALAM BIDANG SENI MUZIK YANG MERUPAKAN SATU CABANG KEBUDAYAAN YANG PENTING.

--BERSAMBUNG 1545/MM

553:

DR. MAHATHIR 2 PULAU PINANG

MENYENTUH MENGENAI DASAR PELAJARAN, DR. MAHATHIR BERKATA PIHAKNYA SENTIASA BERUSAHA UNTUK MEMAJU DAN MENINGGIKAN LAGI TARAF PELAJARAN DI NEGARA INI.

DALAM USAHA INI, KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MENGANJURKAN BEBERAPA JENIS KURSUS, PERSIDANGAN, MAJLIS FORAM, LAWATAN SAMBIL BELAJAR DAN JUGA MENGADAKAN SEMINAR DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI, + TAMBAHNYA LAGI.

SELAIN DARIPADA ITU, BELIAU MENERANGKAN, KEMENTERIAN ITU TELAH JUGA MENGADAKAN PAMIRAN, PESTA DAN PERADUAN DI KALANGAN MURID-MURID DAN SATU DARIPADANYA YANG DIADAKAN PADA TAHUN INI IALAH PESTA MUZIK.

PENGARAH PELAJARAN NEGERI, ENCIK TAN BOON LIN, SELAKU PENERUSI JAWATANKUASA PENGELOLA +PESTA MUZIK 1975+ MENERANGKAN SEJUMLAH 550 ORANG PESERTA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PESTA ITU.

BELIAU BERHARAP SEMASA PESERTA ITU BERADA DI NEGERI INI TIDAK KETINGGALAN MENGAMBIL PELUANG MELAWAT KE TEMPAT-TEMPAT MENARIK YANG MENJADI TUMPUAN PELANCUNG-PELANCUNG LUAR NEGERI.--

BERNAMA 1550/MM